



BARISAN mahasiswa UMS yang terlibat dalam Kembara Ilmu SEMEGA di Tawau baru-baru ini.

UB 17.4.2014 B4

MPP, Persada UMS dan Seranta jayakan SEMEGA di Tawau

TAWAU: Keprihatinan dalam mencerahkan budi dan bakti terus menjadi amalan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam menyebarluaskan ilmu kepada masyarakat setempat.

Terbaru, UMS melalui gabungan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Permuafakatan Siswa Siswi Felda (Persada UMS) serta Jabatan Seranta (Felda) Negeri Sabah telah mengadakan Kembara Ilmu Selangkah ke Menara Gading (SEMEGA) di sembilan sekolah menengah di daerah ini.

Menurut Presiden MPP Fandyi Sanizan Jurup, program selama dua hari itu bertujuan memberi kesedaran kepada anak-anak tempatan untuk terus belajar bersungguh-sungguh sehingga memasuki institusi

pengajian tinggi, khususnya di UMS.

"Program yang berbentuk motivasi ini mengambil pendekatan dengan memberi perkongsian kehidupan kampus melalui tayangan video yang memaparkan cabaran dan keseronokan sebagai pelajar universiti.

"Perkongsian yang disampaikan sendiri oleh mahasiswa UMS ini sekaligus dilihat mampumenghapuskan persepsi bahawa belajar di universiti adalah sukar dengan pelbagai tekanan yang dihadapi," katanya.

Dalam pada itu, mahasiswa UMS daripada kalangan anak-anak Felda turut teruja menyertai program berkenaan.

Tekad untuk menabur ilmu nyata terpancar pada wajah mereka apatah lagi berpeluang menjelaki

Felda Umas Tawau sekali gus mengendali program itu di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Umas-Umas dengan penuh bersemangat.

Penglibatan generasi Felda turut memberi impak kepada program itu yang dijalankan serentak di SMK Tawau, SMK Kinabutan, SMK Jambatan Putih, SMK Balung, SMK Tawau II, SMK Abaka, SMK Wakuba dan SMK Merotai.

Kerjasama dan sokongan padu Pejabat Pelajaran Daerah Tawau (PPD) selain sambutan memberangsangkan daripada semua pihak sekolah yang terlibat turut menjayakan lagi program itu.

Hadir sama pada program yang melibatkan 700 pelajar itu ialah Ketua Seranta (Felda) Negeri Sabah Asmarah Rikun.



SUASANA Kembara Ilmu SEMEGA di salah sebuah sekolah menengah daerah Tawau.